

MAJLIS PEMBUKAAN  
DAN ANUGERAH



SESI PERKONGSIAN  
DAN BENKEL  
INTERAKTIF



26 OGOS 2023 (SABTU) | 10 PAGI – 9 MALAM  
PUSAT KONVENSYEN SUNTEC DEWAN 404-405

PERSEMBAHAN  
SEGARA LANGSUNG



MEKAR BERSERI DALAM  
ALAM AJAIB BAHASA KITA

FLOURISH IN THE WONDERLAND OF OUR LANGUAGES  
在母语乐园中茁壮成长  
நம் மொழிகளின் அதிசய உலகில் திளைத்திருப்போம்

# SIMPOSIUM BAHASA IBUNDA 2023



PAMERAN TENGAH  
DAN CABARAN  
BAHASA IBUNDA

REUAI  
PAMERAN



BEG CENDERAMATA  
UNTUK 5000 KANAK-KANAK  
YANG DATANG AWAL!



# Bermain & Belajar Bersama Ally

## Sesi Interaktif Ibu Bapa dan Anak

oleh Norlin Samat



# Objektif








- Memperkenalkan Bahasa Melayu kepada kanak-kanak melalui permainan – nyanyian, pembacaan buku secara interaktif dan aktiviti-aktiviti amali
- Menyediakan persekitaran yang selamat dan menyeronokkan untuk kanak-kanak demi mewujudkan pengalaman pembelajaran Bahasa Melayu yang positif
- Menggalakkan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak mereka

## Kandungan Perkongsian

Mari Bermain dan Belajar Bersama Ally ialah sebuah program dwibahasa yang bertujuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran bahasa ibunda yang positif dan menyeronokkan untuk kanak-kanak.

Program ini berdasarkan sebuah buku bersiri “Pengembaraan Ally” yang berjenis buku papan dan berkulit keras. Buku bersiri ini dikhususkan untuk kanak-kanak dalam golongan pramembaca atau pembaca awal. Buku-buku ini memaparkan Ally, seekor kucing betina kecil tempatan dan pengalamannya di tempat-tempat di Singapura yang biasa dikunjungi kanak-kanak.

# Siri Pengembaraan Ally



# Aktiviti Amali & Pelibatan Para Peserta

**Ibu bapa dan anak-anak mereka bekerjasama semasa melakukan aktiviti-aktiviti berikut:**

- Bernyanyi bersama-sama lagu kanak-kanak yang popular
- Sesi tanya dan jawab sepanjang penceritaan
- Mencari binatang/serangga yang tersembunyi pada setiap babak
- Kuiz
- Kraf

# Aktiviti Lanjutan

## **Kandungan media sosial dan laman web Budding Bilinguals serta Poppet's World**

- Pembinaan kosa kata (dwibahasa)
- Sesi tanya dan jawab berdasarkan gambar untuk merangsang komunikasi antara ibu bapa dan anak
- Idea-idea aktiviti amali seperti kraf
- Video bercerita
- Panduan-panduan untuk ibu bapa

## **Bahan-bahan yang boleh dimuat turunkan atau dicetak**

- Kertas kerja dan bahan-bahan pembelajaran lain yang boleh dimuat turun dengan percuma

# Teori Sandaran

Siri Pengembaran Ally bersandarkan pendekatan kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda. Pengalaman kanak-kanak itu sendiri diutamakan dalam proses pembelajaran. Setiap cerita Ally berlatarkan tempat-tempat yang terdapat di Singapura dan sudah dikenali kanak-kanak. Maka, kosa kata yang diperkenalkan melalui buku-buku Ally merupakan kosa kata yang relevan dengan pengalaman hidup mereka.





## Profil Penulis

Norlin seorang mantan guru sekolah rendah yang mempunyai Diploma Pendidikan Lepas dan Ijazah Sarjana dalam Pengajian Bahasa.

Kini, beliau pengasas Poppet's World, sebuah syarikat perkhidmatan pendidikan dan penerbitan buku. Pendidik yang berazam tinggi ini juga merupakan penulis buku-buku dwibahasa bersiri Pengembaraan Ally yang dikhususkan untuk kanak-kanak berusia antara 4-7 tahun.

Melalui Poppet's World, Norlin membantu penulis-penulis lain mengkonsepsikan dan menerbitkan buku kanak-kanak mereka. Beliau juga menyediakan pelbagai program untuk institusi-institusi pendidikan. Program-program pendidikan ini dikhususkan untuk kanak-kanak, ibu bapa dan pendidik -pendidik. Norlin memahami pentingnya menjadikan pembelajaran menyenangkan dan menghiburkan. Prinsip inilah yang mendasari kerja seharian beliau.



# TERIMA KASIH!

